

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Great Eastern Takaful Lancar ‘Paw’er Up with Roarie untuk Memupuk Literasi Kewangan Generasi Muda

Memperkasa ilmu kewangan melalui pendekatan edutainment yang menyeronokkan dan interaktif

10 Januari, Kuala Lumpur – Great Eastern Takaful Berhad (GETB) meneruskan komitmennya dalam memperkasa golongan muda pada tahun 2026 dengan pelancaran ‘Paw’er Up with Roarie’, sebuah inisiatif yang direka untuk memupuk literasi kewangan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja berumur 7 hingga 17 tahun. Melalui program ini, Great Eastern Takaful berhasrat untuk menyediakan generasi muda dengan kemahiran pengurusan wang yang penting secara menyeronokkan dan interaktif, sekali gus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai organisasi yang menitikberatkan literasi kewangan sebagai asas kepada kesejahteraan kewangan sepanjang hayat.

Program ini berada di bawah inisiatif kelestarian GREAT-Pintar, yang meletakkan fokus kepada pendidikan dan pembangunan belia. Meneruskan kejayaan inisiatif terdahulu seperti Program Jelajah Upcycling dan *Minecraft Education Challenge*, Great Eastern Takaful memperluaskan capaian melalui pelancaran ‘Paw’er Up with Roarie yang diadakan di Tropicple, Ampang. Acara ini disertai oleh para pelanggan, orang awam, serta warga kerja Great Eastern Takaful yang turut menyaksikan perasmian program literasi kewangan ini.

Acara ini menampilkan pelbagai pertandingan menarik, sesi literasi kewangan interaktif, dan bengkel kreatif yang direka khas untuk kanak-kanak dan ibu bapa. Ia juga menandakan kemunculan rasmi *Roarie*, maskot Great Eastern Takaful yang mesra kanak-kanak dan mudah didekati oleh golongan muda. Bersama *Roarie*, pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan, interaktif dan berkesan.

Antara tarikan utama acara ini termasuk permainan mesra keluarga seperti *Family Paw-er Mission*, *Paw-fect Shot Score*, *Paw-tastic Art Corner*, dan pelbagai aktiviti menarik lain. Majlis pelancaran ini berjaya menarik kira-kira 300 peserta, mencerminkan minat dan sokongan yang tinggi terhadap inisiatif ini.

Ketua Jabatan Pemasaran Great Eastern Takaful Berhad, Puan Rashida Mior Ahmad Darwish berkata, “Dalam era teknologi masa kini dan dengan generasi baharu, pendekatan pendidikan perlu berbeza. Kami percaya pengalaman pembelajaran hadir dalam pelbagai bentuk, terutamanya melalui pendekatan yang menyeronokkan dan interaktif atau edutainment. Melalui ‘Paw’er Up with Roarie, kami berhasrat menjadikan literasi kewangan lebih menarik dan bermakna untuk minda muda.”

Beliau turut menekankan kepentingan pendidikan kewangan sejak awal, memandangkan literasi kewangan memainkan peranan penting dalam ekonomi hari ini, khususnya dalam membentuk tabiat menabung yang baik.

“*Paw’er Up with Roarie* menggabungkan elemen permainan dan pendidikan, mewujudkan suasana di mana kanak-kanak belajar sambil berseronok. Melalui permainan interaktif, aktiviti kreatif dan pelajaran praktikal, kami berusaha menyediakan asas kukuh pemahaman kewangan, sekali gus memperkasakan generasi baharu agar membuat keputusan bijak dan membina masa depan yang terjamin,” tambah beliau.

Great Eastern Takaful terus memperjuangkan literasi kewangan melalui inisiatif seperti ‘Paw’er Up with Roarie, mencerminkan dedikasi syarikat dalam membina generasi masa hadapan yang yakin dari segi kewangan. Dengan memperkenalkan konsep pengurusan wang secara menyeronokkan dan mudah difahami, organisasi ini berusaha membekalkan kemahiran praktikal kepada golongan muda untuk membuat keputusan bijak dan meletakkan asas kepada keselamatan kewangan jangka panjang.

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah

lain daripada HR Excellence Awards 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterntakaful.com. Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel: +6016 - 209 234

E-mel: MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com